

26 JUL 2002

Mahathir-BN

ABDULLAH MUNGKIN KETUAI BN DI P/RAYA AKAN DATANG

GENTING HIGHLAND, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata pada ketika itu, kemungkinannya ialah Abdullah yang kini Timbalan Perdana Menteri sudahpun menjadi Perdana Menteri serta Pengerusi BN.

Perkara itu timbul ketika Dr Mahathir menjawab soalan pemberita mengenai kenyataannya di Johor Baharu pada Khamis yang antara lain menasihatkan parti-parti komponen BN supaya menerima segala keputusan berhubung pembahagian kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya cuma kata je, lagipun bukan saya yang nak pilih, Datuk Abdullah yang nak pilih. Bila kita adakan pilihan raya kemungkinan ialah Datuk Abdullah jadi PM dan pengerusi BN," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan fasa pertama Hotel dan Plaza First World berharga RM1.2 billion di sini.

Ditanya sama ada ini bermakna pilihan raya umum akan diadakan selepas Oktober tahun depan, Dr Mahathir berkata "yang tu you tunggu, tengoklah".

Dr Mahathir sebelum ini dilaporkan akan melepaskan jawatan Perdana Menteri selepas Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam di Kuala Lumpur, pada Oktober tahun depan.

Ditanya tentang peluang BN pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata masih awal lagi untuk bercakap mengenai perkara itu.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata BN sentiasa bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

Apabila ditanya mengenai kata-kata beliau di Johor Baharu pada Khamis sama ada ia petunjuk yang pilihan raya umum akan datang semakin dekat, Dr Mahathir berkata: "Tak ada petunjuk, kemungkinannya ialah bila kita sempadankan semula kawasan, mungkin ada penambahan (kerusi)".

"Kalau ada penambahan, siapa yang nak dapat. Itu yang saya sebut bukan pasal pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau akan terus membantu BN walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri pada masa hadapan.

Dr Mahathir turut menegur pihak media yang terlalu ghairah memperkatakan tentang pilihan raya.

"Saya dapati press yang gila sangat pasal pilihan raya. Baru selesai pilihan raya, dia cakap pasal pilihan raya," katanya merujuk kepada pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit pada 18 Julai lepas.

-- BERNAMA

MAN KK AZH PR